LESEN KATEGORI A : MEMERLUKAN KERTAS CADANGAN

Majlis Perbandaran Subang Jaya

Garis Panduan Permohonan Lesen

PUSAT SIBER/KAFE SIBER

Pendahuluan

- Aktiviti perniagaan bagi Pusat Siber/Kafe Siber diklasifikasikan dibawah lesen KATEGORI A. Lesen kategori ini terdiri daripada aktiviti-aktiviti yang mempunyai risiko tidak dipertimbangkan kelulusan lesen bergantung kepada faktor sesuatu tempat dan lain- lain

- Permohonan lesen ini memerlukan pemohon mengemukakan KERTAS CADANGAN terlebih dahulu ***(Rujuk Kaedah Permohonan)***

- Kertas cadangan diperlukan bagi mengelakkan pemohon menanggung kerugian sekiranya permohonan tidak diluluskan, tetapi telah melabur atau memberikan komitmen terhadap perniagaan yang ingin dilakukan seperti bayaran cagaran, deposit dan sewaan premis, perjanjian dan lain-lain lagi

- Aktiviti perniagaan bagi aktiviti pusat siber/kafe siber di lesenkan mengikut Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (MPSJ) 2007

- Tidak dibenarkan menjalankan perniagaan tanpa lesen

  "Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan pusat siber dan kafe siber tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen di bawah Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (Majlis Perbandaran Subang Jaya 2007)"

- Tafsiran

  "Kafe Siber" ertinya premis berlesen yang meyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet serta menjual makanan dan minuman kepada pelanggan

  "Pusat Siber" ertinya premis berlesen yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet.

Kaedah Permohonan

A) **Mengemukakan Kertas Cadangan**

1. Pemohon dikehendaki mengemukakan kertas cadangan kepada Pihak Berkuasa Melesen

2. Maklumat dalam kertas cadangan perlulah mengandungi:
   - Maklumat Permohonan
   - Maklumat Syarikat
   - Premis/lokasi
   - Bilangan/unit komputer
   - Keluasan premis

3. Proses permohonan cadangan ini mengambil masa 30 hari bekerja merangkumi perkara berikut:
   - Dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan
   - Disahkan dalam Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Maklumbalas permohonan akan dikeluarkan kepada pemohon

4. Kertas Cadangan perlu dihantar ke Jabatan Pelesenan, MPSJ.

B) **Mengemukakan Permohonan**

- Permohonan boleh dikemukakan hanya setelah kertas cadangan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen

- Perlu melengkapkan borang permohonan Lesen Perniagaan dan Iklan MPSJ.PK.KP-01/01 *(borang boleh didapati dengan memuat turun dari laman web MPSJ: www.mpsj.gov.my atau di Kaunter Ibu Pejabat MPSJ)*

- Melampirkan dokumen seperti senarai semak di dalam borang permohonan lesen perniagaan dan Iklan seperti berikut:

1. Borang Permohonan Lesen Premis Perniagaan dan Iklan ☐
2. Satu (1) Salinan Kad Pengenalan (warganegara) atau salinan butiran maklumat Pasport dan Visa Dagang (bukan warganegara). Salinan perlu dipalang dan ditulis “Urusan MPSJ sahaja” ☐
3. Satu (1) Keping Gambar Berukuran Pasport (dilekatkan di Borang Permohonan) ☐
4. Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (Borang 9, Borang 24, Borang 49 serta Memorandum & Artikal Persatuan) mengikut Akta Pendaftaran Syarikat 1965 ☐
5. Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (Borang 13, Borang 24, Borang 49 serta Memorandum & Artikal Persatuan) mengikut Akta Pendaftaran Syarikat 1965 bagi pertukaran nama syarikat ☐
6. Salinan Borang A (Pendaftaran Perniagaan) atau Borang B (Pendaftaran Perubahan Dalam Perniagaan) atau Borang D (Perakuan Pendaftaran Perniagaan) mengikut Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1956 ☐
7. Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF) @ Sijil Siap Dan Pematuhan (CCC) ☐
8. Perjanjian sewa premis atau Perjanjian Jual Beli Bangunan atau Geran Tanah (Tanah Persendirian) ☐

9. Satu (1) Salinan Pelan Lokasi Premis

10. Satu (1) Pelan Lakaran Lantai Premis

11. Gambar Premis Semasa (Pandangan Hadapan, Pandangan Belakang, Pandangan Dalam Premis dan Pandangan Sisi) (jika lot tepi). Gambar perlu dilekatkan di bahagian Lampiran C1

12. Visual Papan Iklan beserta ukuran dalam meter persegi dan telah mendapatkan kelulusan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka dari segi tatabahasa. Visual perlu dilekatkan di bahagian Lampiran C2.

- Dokumen yang telah lengkap hendaklah didaftarkan di Kaunter Bersepadu Aras 1 Ibu Pejabat MPSJ

- Sekiranya terdapat sebarang ubahsuai melibatkan pecahan dinding, binaan penutup longkang, binaan *ramp*, binaan *awning*, pemohon perlu mendapatkan kelulusan/permit daripada Jabatan Bangunan MPSJ

- Proses kelulusan ini memerlukan:

  i. Mendapat surat ulasan dan sokongan dari Polis DiRaja Malaysia (PDRM)
  ii. Mendapat surat ulasan dan sokongan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

- Tempoh 30 hari diperlukan bagi memproses permohonan ini tidak termasuk tempoh menunggu ulasan dan sokongan daripada pihak PDRM dan Jabatan Bomba.

Garis Panduan & Rekabentuk Pusat Siber

A) Pusat Siber dan Kafe Siber dibenarkan beroperasi di kawasan berikut:
   i. Kompleks Perniagaan
   ii. Rumah Kedai/Kedai Pejabat (tingkat bawah dan tingkat satu sahaja)
   iii. Premis binaan sendiri di kawasan Luar Bandar (kelulusan sementara setelah berunding dengan Ahli Majlis)

B) Kuota diwujudkan di kawasan-kawasan yang mempunyai keperluan tinggi terhadap Pusat Siber dan Kafe Siber seperti berikut:
   i. Berhampiran Pusat Pengajian Tinggi
   ii. Kawasan Pembangunan Baru

C) Pusat Siber dan Kafe Siber tidak dibenarkan beroperasi berhampiran dengan kawasan-kawasan sensatif seperti masjid, rumah ibadat dan lain-lain kawasan yang ditetapkan oleh Pihak

Berkuasa Melesen. Jarak minima yang dibenarkan hendaklah sekurang-kurangnya 500 meter radius daripada kawasan tersebut

D) Pintu atau dinding hadapan premis hendaklah menggunakan kaca atau apa-apa benda lutsinar lain dan tidak dibenarkan untuk diwarnakan atau ditampal dengan apa-apa bahan yang menghalang penglihatan

E) Pengusaha premis Pusat Siber dan Kafe Siber perlu mematuhi keperluan minima reka bentuk Pusat Siber dan Kafe Siber seperti berikut yang dijelaskan di dalam Perkeliling Garispanduan Pengawalan Perniagaan dan Rekabentuk Pusat Siber dan Kafe Siber

F) Pembahagian ruang mengikut reka bentuk:

REKABENTUK A			
Bil.	**Lokasi**	**Ruang Lot Kedai 30'X40'**	**Luas m^2**
1	Pusat Bandar/ Pusat Membeli Belah	Ruang rehat/daftar	30.6
		Ruang bilik komputer	80.8
		Jumlah komputer (1 unit komputer bagi setiap 1.2 m^2)	45-50 buah
REKABENTUK B			
Bil.	**Lokasi**	**Ruang Lot Kedai 30'X40'**	**Luas m^2**
2	Lot Kedai/Pejabat	Ruang rehat/daftar	24.5
		Ruang bilik komputer	104.2
		Jumlah komputer (1 unit komputer bagi setiap 1.2 m^2)	60-65 buah

G) Lesen boleh dibatalkan sekiranya pemilik premis membuat pelanggaran syarat atau larangan-larangan tiga (3) kali setahun.

H) Garis panduan dan rekabentuk pusat siber adalah merujuk kepada Garis Panduan Pengawalan Perniagaan dan Reka Bentuk Pusat Siber dan Kafe Siber Negeri Selangor.

I) Kadar Fi Lesen

Pusat Siber

(i). Setiap satu (1) unit komputer - RM 50.00 setahun

Kafe Siber

(ii). Setiap satu (1) unit komputer - RM 50.00 setahun

Syarat-Syarat Papan Tanda Iklan

- Visual iklan premis dilesenkan dibawah Undang-Undang Kecil Iklan MPSJ 2007

- Warna latar belakang (warna asas) setiap papan tanda iklan mesti berwarna biru (navy blue), merangkumi 80% dari warna keseluruhan papan tanda iklan;

- Penggunaan perkataan Bahasa Malaysia hendaklah lebih diutamakan dan hendaklah lebih besar dari bahasa lain;

- Petunjuk A – Latar belakang berwarna merah, huruf berwarna putih

- Petunjuk B – Latar Belakang berwarna kuning, huruf berwarna hitam

- Visual atau logo papan iklan tidak dibenarkan mengandungi perkara berikut:
  i. Gambar jenama minuman keras
  ii. Gambar jenama rokok
  iii. Gambar berunsurkan perjudian
  v. Gambar manusia yang menjolok mata/kurang sopan/ganas/menakutkan
  vi. Gambar yang membawa kepada penyeruan dan menggalakkan kepada kelakuan yang tidak baik atau yang melanggari undang-undang
  vii. Lain-lain yang tidak sesuai dengan adat resam, agama dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia

- Kedudukan perkataan, gambar logo hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sila rujuk lampiran

- Sebarang syarat yang dikenakan tertakluk kepada pindaan pihak MPSJ.



Carta Alir Permohonan





Syarat-Syarat Pematuhan

Pemegang Lesen wajib mematuhi syarat-syarat pematuhan lesen perniagaan yang ditetapkan oleh Majlis. Sila layari *www.mpsj.gov.my* untuk memuat turun dan semakan syarat-syarat pematuhan lesen perniagaan dan iklan yang lengkap.

Sebarang pertanyaan sila hubungi

Pusat Panggilan *(Call Centre)*

03 8024 7700

Jabatan Pelesenan : 03 8026 3173
Emel : mpsj@mpsj.gov.my
www.mpsj.gov.my

MPSubangJaya

Majlis Perbandaran Subang Jaya
Persiaran Perpaduan, USJ 5, 47610 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan

Februari 2016